

25hb Mei 2017

Saudara / Saudari,

**TEMUDUGA BAGI PEMILIHAN CALON-CALON PROGRAM PERTUKARAN
PELAJAR YAYASAN AFS ANTARABUDAYA MALAYSIA SESI 2017/2018**

Sukacita dimaklumkan bahawa anda dijemput untuk menghadiri sesi temuduga bagi pemilihan calon-calon program pertukaran pelajar Yayasan AFS Antarabudaya Malaysia sesi 2017/2018 pada:

Tarikh : Sabtu, 10 Jun 2017
Masa : 8.45AM – 2.00PM
**Tempat : Jabatan Pendidikan Pulau Pinang, Jalan Bukit Gambir, 11700
Pulau Pinang**

(Sila rujuk lampiran untuk melihat senarai nama dan sesi temuduga anda. Anda dikehendaki hadir sehingga tamat sesi pada waktu yang telah ditetapkan)

Sila bawa dokumen-dokumen berikut:

1. Kad pengenalan
2. Slip Keputusan Peperiksaan (Perlu bawa jika tidak disertakan didalam borang permohonan yang telah dihantar):
 - **Calon Tingkatan 3** : Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 1 & 2, Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 3
 - **Calon Tingkatan 4** : Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 2, Sijil Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 4
 - **Calon Tingkatan 5** : Sijil Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Slip Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4, Slip Ujian Penilaian 1 Tingkatan 5
3. Surat sokongan
4. Lain-lain sijil yang berkenaan.
5. Yuran permohonan sebanyak RM30.00 dalam bentuk wang pos/cek (hanya untuk mereka yang belum membayar)
6. Surat temuduga ini.

Calon-calon diminta memakai pakaian seragam sekolah, lengkap dengan lencana sekolah semasa menghadiri temuduga pada hari yang telah ditetapkan. Segala perbelanjaan berhubung dengan pemilihan ini termasuk pengangkutan, makan dan minum adalah tanggungjawab calon sendiri.

Para ibu-bapa dijemput hadir untuk sesi taklimat pada jam 9.00pagi. Semasa sesi temuduga dijalankan, ibubapa tidak dibenarkan berada di kawasan temuduga. Kerjasama daripada pihak ibubapa amatlah kami hargai.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan Pn. Nadia Samsudin atau Cik Sophie Ismail di talian 03-7887 6866 atau emel info-mas@afs.org.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya!

Yang benar,
Yayasan AFS Antarabudaya Malaysia

***SILA BERIKAN SATU SALINAN SURAT DAN SENARAI NAMA INI KEPADA PIHAK SEKOLAH ANDA.**